



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 2007

**PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN
OPERATOR MESIN PROSESAN DATA GRED F11, F14**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan mengenai perubahan skim perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data Gred F11, F14 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 39 Tahun 2005.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju supaya skim perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data yang berkuat kuasa diubah dengan memperuntuk perbekalan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dengan tujuan untuk memperluas peluang kemajuan kerjaya perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data. Selaras dengan keputusan ini, perbekalan dalam skim perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data dan skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) diubah sewajarnya.

SKIM PERKHIDMATAN OPERATOR MESIN PROSESAN DATA

3. Skim perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data yang baru memperuntukkan perbekalan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) selain daripada perkhidmatan Juruteknik Komputer. Sehubungan ini, skim perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data dan skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) yang baru adalah seperti di **Lampiran A dan A1**. Format iklan bagi urusan pengambilan ke perkhidmatan tersebut adalah seperti di **Lampiran B**. Penghuraian skop kerja perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data adalah seperti di **Lampiran C**.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

4. Pegawai yang sedang berkhidmat atau lantikan baru bagi skim perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data Gred F11, F14 akan menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat edaran yang berkuat kuasa.

TARIKH KUAT KUASA

5. Tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data dan skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) yang baru adalah mulai **1 Julai 2007**.

PEMBATALAN


6. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 39 Tahun 2005 dan skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)

yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2006 adalah dibatalkan dan diganti dengan skim perkhidmatan dalam pekeling perkhidmatan ini. Semua pelantikan mulai 1 Julai 2007 hendaklah menggunakan skim perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data yang baru.

PEMAKAIAN

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

26 Jun 2007

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN
OPERATOR MESIN PROSESAN DATA**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2007

Gred	Jadual Gaji Matriks			
Gred F11	:	P1T1 RM740.62	-	P1T21 RM1714.26
	:	P2T1 RM783.09	-	P2T21 RM1802.40
	:	P3T1 RM827.19	-	P3T21 RM1892.17
Gred F14	:	P1T1 RM1394.02	-	P1T10 RM2004.93
	:	P2T1 RM1506.73	-	P1T10 RM2212.42

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Penilaian Menengah Rendah/ Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut;
 dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/ Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Pejabat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Mesin Prosesan Data Gred F11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) di atas; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred F11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Operator Mesin Prosesan Data Gred F11 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Operator Mesin Prosesan Data boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Operator Mesin Prosesan Data Gred F11 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Operator Mesin Prosesan Data Gred F11 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan

**UJIAN KEDERASAN BAGI
MAKSUD MENDAPAT DUA
ATAU EMPAT HADIAH
KENAIKAN GAJI**

8. (a) Operator Mesin Prosesan Data yang telah disahkan dalam perkhidmatan adalah layak mengambil ujian kederasan bagi maksud untuk mendapatkan dua (2) atau empat (4) hadiah kenaikan gaji mulai dari tarikh kenaikan gaji tahunan yang ke hadapan berdasarkan kederasan yang dicapai yang telah ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

(b) Operator Mesin Prosesan Data yang telah mengambil ujian kederasan dan hanya mencapai kederasan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan bagi mendapat dua (2) hadiah kenaikan gaji sahaja adalah dibenarkan mengulangi ujian bagi mendapat kederasan yang ditetapkan untuk mendapat empat (4) hadiah kenaikan gaji. Mereka yang berjaya layak mendapat dua (2) hadiah kenaikan gaji lagi mulai dari tarikh kenaikan gaji tahunan yang ke hadapan.

(c) Ujian kederasan ini hendaklah diadakan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan dua (2) kali setahun. Peraturan-peraturan bagi ujian kederasan serta cara pemarkahannya akan ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

9. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

10. Operator Mesin Prosesan Data hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED F14**

11. Operator Mesin Prosesan Data Gred F11 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Operator Mesin Prosesan Data Gred F14 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA
LANTIKAN KE PERKHIDMATAN
JURUTEKNIK KOMPUTER ATAU
PERKHIDMATAN PEMBANTU
TADBIR (PERKERANIAN/
OPERASI)**

12. Operator Mesin Prosesan Data yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Juruteknik Komputer Gred FT17 atau jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota : Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2006 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 39 Tahun 2005, JPA(S)324/14/5-4 Klt.8(54)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI)**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2007

Gred	Jadual Gaji Matriks		
Gred N17	: P1T1 RM820.38	-	P1T24 RM2151.35
	: P2T1 RM871.81	-	P2T24 RM2272.50
	: P3T1 RM924.75	-	P3T24 RM2397.95
Gred N22	: P1T1 RM1915.43	-	P1T12 RM2838.04
	: P2T1 RM2057.61	-	P2T12 RM3134.53
Gred N26	: P1T1 RM2196.75	-	P1T9 RM2983.23
	: P2T1 RM2406.99	-	P2T9 RM3266.11

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T1); atau
 - (ii) Sijil Perancang Bandar dan Wilayah daripada UiTM yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T6); atau
 - (iii) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N17; P1T8); atau
 - (iv) Sijil dalam bidang kejuruteraan ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T9);

- dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan/ atau mengambil trengkas).

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah atau Operator Mesin Prosesan Data adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) di atas; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N22**

10. Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N26**

11. Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N26 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI TADBIR**

12. Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di perenggan 2.1 dan 2.2 dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota : Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2007 [Lampiran A1 kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2006, JPA(S)(BPO)324/7/38 Klt.3(47) s.k. 1(2)].

LAMPIRAN B

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : OPERATOR MESIN PROSESAN DATA
- (b) Kementerian/ Jabatan : JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : SOKONGAN
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT

2. JADUAL GAJI

Gred	Jadual Gaji Matriks	
Gred F11	: P1T1 RM740.62	- P1T21 RM1714.26
	P2T1 RM783.09	- P2T21 RM1802.40
	: P3T1 RM827.19	- P3T21 RM1892.17
Gred F14	: P1T1 RM1394.02	- P1T10 RM2004.93
	: P2T1 RM1506.73	- P1T10 RM2212.42

3. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Penilaian Menengah Rendah/ Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut;
- dan
- (d) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/ Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Pejabat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Mesin Prosesan Data Gred F11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3 (c) di atas; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

5. TARAF JAWATAN : Tetap
6. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. FUNGSI BIDANG TUGAS :
(untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
8. TARIKH TUTUP PERMOHONAN :
(nyatakan tarikh tutup permohonan)

**PENGHURAIAN SKOP KERJA
OPERATOR MESIN PROSESAN DATA**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Operator Mesin Prosesan Data Gred F11, F14

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab memasukkan data-data yang akan diproses oleh komputer.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Kemasukan Data

- (i) Memasukkan data dari dokumen asal dari pelbagai jenis kerja.
- (ii) Mengenalpasti data-data yang kurang jelas dan bermasalah untuk dimajukan kepada penyelia untuk tindakan selanjutnya.
- (iii) Memberitahu penyelia segala masalah yang dihadapi dengan dokumen data, mesin dan format/ program yang digunakan.

4.2 Penyemakan Data

- (i) Menyemak rekod-rekod yang telah dimasukkan untuk mengesan kesalahan dan membuat pembetulan ke atas kesilapan yang ditemui.
- (ii) Menandakan kesalahan serius yang dikesan dan memberitahu penyelia untuk tindakan selanjutnya.
- (iii) Memeriksa rekod-rekod data yang telah dibetulkan dengan dokumen asal.

- 4.3 Mempelajari dan memahirkan diri dengan cara mengguna semua mesin tangkapan data yang ada.
- 4.4 Menerima dan mengelompok dokumen-dokumen (batch) untuk tangkapan data mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.
- 4.5 Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Rakan sekerja di bahagian/ unit yang sama.
- b. Kakitangan di bahagian lain di dalam organisasi yang sama.

Luaran

- a. Jabatan/ agensi kerajaan.
- b. Syarikat swasta.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.

7. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Berpengetahuan asas mengenai kemasukan data.
- b. Berkemahiran dalam peralatan komputer.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Kreatif, tekun dan sabar.
- b. Mempunyai minat untuk meningkat pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat.
- c. Menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang berbeza seperti bertugas di luar kawasan pejabat.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Kemalangan (mengendalikan peralatan komputer)
- b. Terdedah kepada risiko penglihatan.